

Staf UMSKAL meriahkan Aidilfitri UMS 2013

UB 30.8.2013 B2

LABUAN: Kakitangan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) turut memeriahkan sambutan Majlis Rumah Terbuka Hari Raya Aidilfitri peringkat UMS 2013 di Dewan Kuliah Utama UMS, Kota Kinabalu pada Rabu lalu.

Majlis itu dimeriahkan dengan kehadiran Yang Dipertua Negeri Tun Juhar Mahiruddin dan Toh Puan Norlidah RM Jasni.

Turut hadir Naib

Canselor UMS, Prof Datuk Dr Mohd Harun Abdullah dan Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said selaku Pengerusi Jawatankuasa Induk Sambutan Aidilfitri UMS 2013.

Hadir sama Pengarah UMSKAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, Dekan Sekolah Sains Informatik Labuan (SSIL), Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMSKAL, Zamri Mohamad Tuah.

Sebanyak 31 gerai yang

mewakili kakitangan dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) menyajikan pelbagai juadah makanan dan masakan termasuk buah-buahan yang enak dan lazat.

Majlis itu diadakan untuk mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara pegawai utama UMS dengan kakitangan serta pelajar universiti berkenaan. Rumah terbuka itu dimeriahkan dengan persembahan nyanyian kakitangan dan pelajar UMS.

Gerai UMSKAL yang diketuai Penolong Pendaftar SSIL, Mas Adi Alimin menyajikan pelbagai menu terutama rendang dan kelupis yang merupakan makanan tradisional Wilayah Persekutuan Labuan selain coklat.

Kehadiran maskot gajah yang diilhamkan Ismail menjadi tumpuan pengunjung untuk mengunjungi gerai UMSKAL sambil menikmati makanan serta beramah mesra dengan kakitangan.



ISMAIL (empat kiri) bersama kakitangan UMSKAL yang menjayakan Rumah Terbuka UMS di Kota Kinabalu, Rabu lalu.